

NO SOALAN: ~~39~~  
44

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @  
WONG NYUK FOH  
[SANDAKAN]**

**TARIKH : 31.03.2014  
(ISNIN)**

**SOALAN :**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah Pusat Latihan Khidmat Negara untuk 2013 dan 2014, jumlah yang telah dibelanjakan untuk program tersebut, jumlah kes kemalangan, kematian, dan jenayah bagi setiap tahun sejak program dimulakan. Apakah langkah-langkah untuk menjamin keselamatan peserta dan bagaimana menilai sama ada manfaat program melebihi kos.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bilangan kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang kini sedang beroperasi adalah sebanyak 81 buah kem. Purata kos perbelanjaan untuk melaksanakan PLKN ialah di antara RM550 juta hingga RM650 juta setahun.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Semenjak Program Latihan Khidmat Negara dilaksanakan tiada kes kemalangan yang berlaku semasa pelatih menjalani latihan. Bagi kes jenayah, hanya satu kes yang berlaku pada tahun 2013. Keseluruhan kes pelatih PLKN yang meninggal dunia dalam tempoh latihan adalah 20 kes.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) sentiasa mengambil perhatian utama ke atas keselamatan pelatih. Antara langkah-langkah keselamatan yang diambil ialah semua pelatih dikehendaki mengisytiharkan tahap kesihatan dan menjalani pemeriksaan**

perubatan sebelum menjalani latihan. Selain daripada itu, staf perubatan yang mencukupi juga ditempatkan di semua Pusat Perubatan kem PLKN bagi mengurus perkara-perkara yang berkaitan dengan kesihatan pelatih. JLKN juga telah mewujudkan Garis Panduan Minimum bagi kemudahan prasarana sebagai panduan semua kem. JLKN juga bekerjasama dengan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NIOSH) untuk membuat pemeriksaan berkala berkaitan dengan kemudahan latihan di semua kem PLKN bagi memastikan tahap keselamatan pelatih terjamin semasa menjalani latihan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Pemeriksaan Kendiri terhadap kemudahan kem dan kemudahan latihan juga membantu meningkatkan tahap keselamatan pelatih. Modul Pencegahan Jenayah dilaksanakan dengan kerjasama pihak polis pada minggu pertama pelatih menjalani latihan. Di samping itu seorang anggota polis ditempatkan secara tetap di setiap kem PLKN. Bagi memperteguhkan aspek keselamatan, JLKN telah mewujudkan Perintah Tetap Kem PLKN sebagai panduan semua komander kem PLKN dalam urusan

mentadbir dan mengawal selia pelatih-pelatih PLKN sepanjang menjalani latihan.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, JLKN telah menjalankan beberapa kajian keberkesanan PLKN dengan kerjasama pusat pengajian tinggi awam seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Di samping itu, Kajian Perspektif Pelatih turut dilaksanakan pada setiap siri latihan. Semua kajian ini telah menunjukkan keberkesanan program ini.

Terkini, JLKN sedang merangka dan membentuk kajian keberkesanan PLKN dengan sebuah universiti tempatan bagi menilai tahap keberkesanan PLKN setelah 10 tahun pelaksanaannya PLKN. Ianya dijangka akan dilaksanakan pada tahun ini.